

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2002/2003

Februari/Mac 2003

RDG 266 – Rekabentuk Perabot


Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **TIGA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan di keempat-empat bahagian dan setiap jawapan dari setiap bahagian **MESTI** diasingkan.

BAHAGIAN A

1. Huraikan manifestasi idea dan inspirasi pereka yang mempelopori seni reka perabot klasik moden seperti di dalam gambarajah (A1). Pilih **DUA** sahaja.




Gambarajah A1

(20 markah)

...2/-

BAHAGIAN B


2. Teliti reka bentuk perabot (a) dan (b) untuk menjawab soalan anda.



(a)

Kerusi ini dikenal sebagai “Polka-dot”. Perejanya ialah P. Murdoch dari Great Britain. Direka dalam tahun 1963, semasa beliau masih lagi seorang penuntut.

Ianya sesuai untuk pengeluaran massa dan kos yang rendah.



(b)

Kerusi (b) direka oleh S. Studios dari Jerman dalam tahun 1983. Ia dikenali sebagai “Consumer’s Rest”. Dari penampilan, anda dapat menjangkakan bahawa ia dibuat dari ubahsuai troli pasaraya.

Anda sebagai seorang pereka yang bertanggungjawab untuk memilih perabot untuk projek hotel bertaraf 5 bintang “CITITEL Johore Bharu Waterfront City”. Di antara tanggungjawab anda ialah memilih perabot yang sesuai untuk hotel tersebut iaitu ruang lobi utama hotel. Apakah anda akan memilih kedua-dua perabot di atas? Jika kedua-duanya tidak sesuai, anda diminta membuat pemilihan sendiri. Jawapan anda perlu dijustifikasikan dengan hujah-hujah seorang pereka yang professional.

(20 markah)

...3/-

BAHAGIAN C

3. (a) Huraikan apakah postur badan manusia yang semulajadi 'neutral' (5 markah)
- (b) Apakah sifat penting postur badan yang perlu dipertimbangkan di dalam proses reka bentuk stesen kerja duduk dan berdiri ? (5 markah)
- (c) Apakah faktor-faktor risiko yang menyumbang kepada "Cumulative Trauma Disorders" (Pertambahan Kecederaan Penyakit) yang perlu dipertimbangkan di dalam proses rekabentuk stesyen kerja berkomputer ? (10 markah)

BAHAGIAN D

4. Lukiskan pelan serta tampak pembinaan kabinet dapur bilik pantri pejabat berskalakan $\frac{1}{2}'' : 1' - 0''$. Komponen pembinaan termasuk:
- (a) Kabinet bawah berukuran 24'' lebar dengan ketinggian 36'' dari aras lantai.
- (b) Kabinet dinding berukuran 12'' lebar dengan ketinggian 24''.
- (c) Peti sejuk 30'' panjang X 24'' lebar X 68'' tinggi.
- (d) Satu singki keluli tahan karat 13'' panjang X 16'' lebar
- (e) Kemasan 1'' tebal batu 'homogeneous' pada permukaan bahagian atas kaunter (pada ketinggian 36'' dari aras lantai)
- (f) Suis serta 'plug-point' elektrik pada ketinggian 44'' dari lantai.
- (g) Kemasan lantai keramik 6'' X 6''.
- (h) Kemasan dinding jubin keramik 6'' X 6''.
- Muatkan nota spesifikasi bahan di dalam lukisan serta anggaran kos pembinaan tersebut menurut kadar harga (p.f.r.) semasa. (40 markah)